

MYUniMAP  
Edisi XXXVII  
BERITA

# KLN SEDIA BANTU PROGRAM ANTARABANGSA PELAJAR



Oleh : Mohd Basri Basir

Kementerian Luar Negeri (KLN) sedia membantu urusan perjalanan pelajar yang terlibat dengan program universiti di luar negara.

Menurut Menteri, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, kementeriannya bersedia memudahkan urusan perjalanan program antarabangsa universiti.

"Wisma Putra akan membantu perkara berkaitan visa dan perjalanan rombongan universiti dan wakil Malaysia di 106 pejabat di luar Negara sedia menanti di lapangan terbang.

"Malah baru-baru ini saya telah menjalankan perbincangan dengan beberapa kumpulan anak muda yang menubuhkan satu platform hubungan antarabangsa diketuai oleh Presiden Majlis Belia Malaysia,"

katanya ketika menyampaikan ucapan pada Program Siri Pengurusan Negara Bersama Kepimpinan Pelajar UniMAP, di sini baru-baru ini.

Dato' Saifuddin yang dalam lawatan kerjanya ke UniMAP telah meluangkan lebih satu jam berdialog bersama pimpinan pelajar universiti tersebut.

Turut hadir pada program itu ialah Timbalan Naib Canselor UniMAP, Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan; Pustakawan UniMAP, Puan Mazmin Mat Akhir; dan Timbalan Pendaftar Kanan, Cik Hajah Ruzalina Ibnu Ruslan.